

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2023

**HARI ISNIN : 20 FEBRUARI 2023**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 58 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL  
RAHMAN [LABUAN]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasionalnya Kementerian Wilayah Persekutuan dibubarkan yang selama ini bertanggung jawab menjaga kepentingan pembangunan dan kesejahteraan warga kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, organisasi dan fungsi-fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan telah dipindahkan serta diletakkan di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Kementerian Wilayah Persekutuan kini dikenali sebagai Jabatan Wilayah Persekutuan dan berada di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri. Pemindahan ini dilaksanakan kerana Kerajaan mengambilkira kepentingan Wilayah Persekutuan dan oleh itu wajar diletakkan di bawah tanggungjawab YAB Perdana Menteri sendiri. Dengan pemindahan ini juga saiz Kabinet telah dikecilkan dan Kerajaan dapat memastikan kewangan negara ditadbir urus secara berhemah dan berkesan.

Justeru, Jabatan Wilayah Persekutuan kekal bertanggungjawab menjaga segala kepentingan pembangunan dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan. Pengurusan Wilayah Persekutuan khususnya daripada aspek perancangan, penyelarasan, pemantauan dan penetapan dasar, program dan aktiviti oleh Jabatan Wilayah Persekutuan diteruskan di bawah tadbir urus oleh seorang Menteri yang mana dalam hal ini adalah Perdana Menteri sendiri.

Di bawah Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2023 P.U.(A) 27/2023 yang telah diwartakan pada 20 Januari 2023, antara tanggungjawab YAB Perdana Menteri dalam hal ini adalah seperti berikut:

- i. merancang, menyelaras, melaksana, memantau dan menetapkan dasar-dasar bagi kemajuan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan kawasan pembangunan Kampong Bharu;

## **NO SOALAN : 10**

- ii. merancang, menyelaras, melaksana dan memantau dasar-dasar mengenai kerajaan tempatan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan; dan
- iii. merancang, menyelaras, melaksana dan memantau perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dan kawasan pembangunan Kampong Bharu.

Perintah tersebut juga menetapkan supaya Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan kekal sebagai agensi-agensi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA  
[KOTA MARUDU]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memperbaiki jaringan jalur lebar di kawasan luar bandar Wilayah Sabah. Terdapat beberapa masalah yang sering dikenal pasti berlaku iaitu kebolehcapaian jaringan lebar yang sangat perlahan, kesukaran menerima signal jaring lebar di kawasan bukan tumpuan dan kehilangan signal jaring lebar bila mana bekalan elektrik terputus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meluaskan jaringan jalur lebar yang berkualiti di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah, Kerajaan telah mempercepatkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di bawah JENDELA Fasa 2 (2023-2025) namun telah berjaya disiapkan sepenuhnya di bawah JENDELA Fasa 1 (2020-2022) pada tahun 2022 di mana keseluruhan 138 lokasi di Sabah telah siap dilaksanakan.

Setakat suku ketiga tahun 2022, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sabah telah meningkat kepada 88.06% berbanding 73.41% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Sebanyak 171,554 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, manakala baki sebanyak 79,611 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada 251,165 yang dirancang. Sebanyak 4,096 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G, manakala baki sebanyak 27 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada 4,123 yang dirancang. Kementerian juga telah menyiapkan 159 menara baharu dan dalam proses menyiapkan baki 455 menara daripada 614 menara yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi melalui pelaksanaan projek Pelan JENDELA dan satelit, pihak Kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP). Kaedah ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hab untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PoP di Sabah adalah sebanyak 695 kawasan berhampiran sekolah luar bandar dan daripada jumlah tersebut 59 kawasan terlibat dalam pelaksanaan PoP Fasa 1 manakala bagi Fasa 2 pula sebanyak 636. Sehingga 10 Februari 2023, pelaksanaan PoP Fasa 1 di Sabah telah berjaya disempurnakan dengan penyediaan premis sebanyak

6,914 yang mana dari jumlah tersebut 2,411 telah dilanggan oleh penduduk sekitarnya.

Selain usaha untuk memperbaiki jaringan jalur lebar melalui penyediaan infrastruktur komunikasi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) juga menjalankan pengukuran kualiti di lapangan berdasarkan aduan dan perancangan audit berkala untuk seluruh negara. Pada tahun 2022, sebanyak 29 Arahan Suruhanjaya telah dikeluarkan kepada pemberi perkhidmatan yang gagal mematuhi Standard Mandatori melibatkan 29 lokasi berbeza di Sabah. Melalui Arahan Suruhanjaya ini, pemberi perkhidmatan wajib menambah baik kualiti perkhidmatan dengan mengoptimumkan atau menaik taraf menara sedia ada agar kualiti pengalaman pengguna berada pada tahap yang baik. Ketidakpatuhan kepada Arahan Suruhanjaya boleh dikenakan penalti sivil sehingga RM200,000.

SKMM telah melakukan pengukuran semula untuk menyemak kepatuhan pemberi perkhidmatan terhadap kesemua 29 Arahan Suruhanjaya yang telah dikeluarkan di Sabah. Setakat 9 November 2022, hasil semakan mendapati bahawa Standard Mandatori telah dicapai di semua 29 lokasi tersebut.

Aktiviti audit kualiti perkhidmatan ini juga akan diteruskan untuk tahun 2023 dengan sasaran sebanyak 4,000 lokasi di seluruh negara termasuklah 225 lokasi untuk Sabah bagi memastikan Standard Mandatori terus dipatuhi dan sekaligus dapat memperbaiki masalah jaringan jalur lebar terutamanya di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [ GERIK ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [ GERIK ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan untuk memajukan ekonomi kawasan sempadan antara Pengkalan Hulu, Malaysia dan Betong, Thailand. Bandar Pengkalan Hulu telah sekian lama suram dan tiada aktiviti ekonomi yang berimpak tinggi, berbanding daerah Betong, Thailand sedangkan ia merupakan pintu masuk negara dan ia melambangkan imej negara Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah memberi tumpuan kepada usaha menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah dan negeri. Salah satu inisiatif yang dikenal pasti adalah meningkatkan aktiviti ekonomi dan memperkukuh rantai nilai rentas sempadan. Dalam hal ini, platform kerjasama subserantau ASEAN, iaitu Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) terus dimanfaatkan untuk memudah cara pembangunan di kawasan rentas sempadan.

2. Kerajaan sesungguhnya berusaha untuk memanfaatkan potensi pembangunan sosioekonomi sesuatu kawasan. Dalam hal ini, Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenal pasti Pengkalan Hulu sebagai Pusat Agropolitan, dengan fokus pembangunan kepada aktiviti perkhidmatan perniagaan (bebas cukai), aktiviti perancangan keselamatan (Bandar Sempadan Antarabangsa) dan aktiviti industri (perlombongan dan hiliran). Pengkalan Hulu juga berpotensi untuk dibangunkan sebagai salah satu pintu masuk utama ke Taman Negeri Royal Belum dari Betong, Thailand sekiranya ia mendapat pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO yang dijangka pada tahun 2024-2025.

3. Selain itu, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) turut merancang untuk melaksanakan Projek *Integrated Economic and Community Centre* (iCON@NCER) bagi memacu pembangunan kawasan yang kurang membangun di Wilayah NCER. Projek iCON@NCER ini akan memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur bagi merancakkan aktiviti keusahawanan berasaskan kelebihan lokaliti masing-masing dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Pada masa ini, Projek iCON@NCER sedang dilaksanakan di Baling dan Yan sebagai perintis sebelum dilaksanakan di kawasan-kawasan lain yang dikenal pasti,

termasuklah di Pengkalan Hulu. Industri yang berpotensi untuk dibangunkan di Pengkalan Hulu adalah perlombongan mampan (sustainable mining), di mana NCIA sedang membangunkan insentif-insentif khusus kepada para pelabur dalam industri tersebut. Sektor ini juga adalah salah satu sektor keutamaan di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER 2021-2025.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek keselamatan sempadan termasuk di kawasan sempadan antara Pengkalan Hulu, Malaysia dan Betong, Thailand sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan. Antara projek yang telah siap dan beroperasi sepenuhnya adalah Projek Pembinaan Kuarters Jabatan Imigresen Pengkalan Hulu, Perak dengan kos projek sebanyak RM35 juta. Pembinaan kuarters ini adalah bagi menyediakan persekitaran yang kondusif bagi petugas Jabatan Imigresen Malaysia yang merupakan salah satu daripada barisan hadapan di sempadan berkenaan. Ia juga bagi memberikan keselesaan anggota dalam menyampaikan perkhidmatan dengan berkesan.

5. Selain itu, beberapa projek pembangunan lain yang telah siap dan sedang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi kawasan Pengkalan Hulu dan kawasan sekitar termasuklah Projek Pembinaan Baru Pusat Sukan Gerik, Perak (kos projek RM6.6 juta); Projek Membina Jambatan Sungai Rui di Kampung Padang Stang, Hulu Perak, Perak (kos projek RM15 juta); dan Projek Menaik Taraf Makmal Komputer Di MRSM Pengkalan Hulu, Perak (kos projek RM300,000). Projek pembangunan tersebut secara tidak langsung dapat meningkatkan akses dan penggunaan kemudahan awam bagi kesejahteraan penduduk.

6. Kerajaan percaya bahawa segala perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan tersebut akan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi di kawasan Pengkalan Hulu dan negeri Perak pada amnya serta memberikan pelbagai manfaat kepada kesejahteraan penduduk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN  
[KLANG]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk tujuan menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur serta fasiliti tempat penginapan mahasiswa pada tahun 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Dalam tahun 2022, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM88.37 juta kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi pelaksanaan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12).
2. Peruntukan yang disediakan melibatkan projek naik taraf infrastruktur dan fasiliti penginapan mahasiswa seperti berikut:
  - i. Menaiktaraf Tandas Inapan Siswa dengan kos projek berjumlah RM2.2 juta. Peruntukan yang disalurkan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM500 ribu dan projek dalam proses pelaksanaan; dan

**NO. SOALAN : 13**

- ii. Menaiktaraf Kemudahan Usang di Kampus dengan kos projek berjumlah RM15.0 juta. Peruntukan yang disalurkan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM500 ribu dan projek dalam proses pelaksanaan.
  
3. Dalam tahun yang sama, di bawah Inisiatif Belanjawan 2022, UUM turut menerima peruntukan *one-off* bagi projek naiktaraf infrastruktur antaranya:
  - i. projek menaik taraf kemudahan mesra OKU di Pusat Penginapan Pelajar INASIS TM dengan peruntukan sebanyak RM200 ribu; dan
  - ii. kerja pembaikan dan penggantian bumbung di Inasis Yayasan Al Bukhary dengan peruntukan sebanyak RM80 ribu.
  
4. KPT akan terus memastikan keselamatan dan keselesaan pelajar dan kakitangan universiti melalui penyediaan peruntukan yang mencukupi bagi projek-projek naik taraf dan baik pulih infrastruktur usang di IPTA di seluruh negara agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan sempurna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menyelesaikan masalah parkir yang semakin meruncing di kuarters penjawat awam dan perumahan penjawat awam (PPAM) di Putrajaya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengambil langkah-langkah merangkumi jangkamasa pendek dan jangkamasa panjang dalam usaha menangani masalah ini.
2. Bagi langkah-langkah jangkamasa pendek, PPj telah menyediakan kemudahan tempat letak kereta sementara di 5 lokasi kawasan PPAM Putrajaya dengan jumlah tambahan parkir sebanyak **1583 parkir** dengan pecahan berikut:

PPAM	Tempat Letak Kereta (TLK) Tambahan
Zon 1 – PPAM Selasih P17	131
Zon 2 – PPAM Pudina P17	500
Zon 3 – PPAM Seruling P5	610
Zon 4 – PPAM Melinjau/Palma/Prima P11	218
Zon 5 – PPAM Larai P6	124

3. Ketika ini juga, pembangunan tempat letak kereta bertingkat sedang dilaksanakan di Kuarters Penjawat Awam Presint 8 dan Presint 9 dengan jumlah tambahan sebanyak **491 parkir**.

4. Bagi langkah-langkah jangka masa panjang, PPj akan menyediakan tempat letak kereta bertingkat di PPAM P17, PPAM P16, PPAM P11 dan P1 dalam tempoh lima (5) Tahun di bawah peruntukan RMKe-12 RP4 & RP5 dengan jumlah tambahan sebanyak **3220 parkir** seperti berikut:

Lokasi Cadangan TLK Tambahan	TLK Tambahan
1. Cadangan Bangunan TLK Bertingkat di Plot 17KL5, <b>Presint 17 (Selasih)</b>	1000
2. Cadangan Bangunan TLK Bertingkat di <b>Presint 16 (Cengkih)</b>	1500
3. Cadangan Bangunan TLK Bertingkat di <b>Presint 1 (Saderi)</b>	220
4. Cadangan Bangunan TLK Bertingkat di <b>Presint 11</b>	500

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO ANYI NGAU [ BARAM ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan rancangan khas untuk menaik taraf kehidupan rakyat di kawasan luar bandar Sarawak dan Sabah yang mana prasarana asas seperti jalan raya, telekomunikasi, hospital/klinik serta sekolah amat diperlukan untuk memacu pembangunan fizikal dan sosioekonomi rakyat.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), usaha diteruskan untuk memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak agar jurang pembangunan dengan negeri-negeri lain dapat dikurangkan. Ini termasuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkatkan pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pelaksanaan langkah ini dijangka dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar Sabah dan Sarawak seterusnya mengurangkan jurang pembangunan sosioekonomi antara negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Pembangunan kawasan sempadan Sabah dan Sarawak sedang dirancang untuk mengambil peluang daripada perpindahan ibukota Indonesia ke Kalimantan yang dijangka dapat memberikan peluang kepada penduduk Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), usaha diteruskan untuk memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak agar jurang pembangunan dengan negeri-negeri lain dapat dikurangkan. Ini termasuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkatkan pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Pelaksanaan langkah ini dijangka dapat meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar Sabah dan Sarawak seterusnya mengurangkan jurang pembangunan sosioekonomi antara negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Pembangunan kawasan sempadan Sabah dan Sarawak sedang dirancang untuk mengambil peluang daripada perpindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan yang dijangka dapat memberikan peluang kepada penduduk Sabah dan Sarawak.

2. Penyediaan infrastruktur asas, termasuk jalan, bekalan air dan elektrik terus diberi penekanan dan diperluaskan di bawah RMKe-12. Selain itu, penekanan turut diberikan untuk memperluas liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk dan ketersambungan jalur lebar ke sekolah di luar bandar. Penyediaan infrastruktur dan ketersambungan adalah penting untuk menyokong aktiviti ekonomi dan menambah baik penyampaian perkhidmatan sosial, terutama di kawasan luar bandar.

3. Bagi memantapkan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak, Kerajaan mensasarkan 700km pembinaan dan menaik taraf jalan luar bandar berturap bagi setiap negeri. Selain itu, Kerajaan turut mensasarkan 98% liputan akses kepada air bersih dan terawat serta 99% liputan akses kepada elektrik di Sabah dan Sarawak menjelang tahun 2025.

4. Akses kepada pendidikan dan latihan adalah juga penting untuk memacu dan menyediakan peluang dalam pembangunan modal insan bagi meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa memastikan semua rakyat mempunyai akses kepada pendidikan yang berkualiti. Kerajaan terus menumpukan kepada usaha-usaha untuk menyediakan sekolah dan pusat latihan di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, antara projek-projek yang diberi keutamaan adalah seperti pembinaan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif, pembinaan sekolah baharu, pembinaan bangunan tambahan serta kemudahan lain seperti bilik darjah tambahan, asrama, pejabat guru, tandas, makmal komputer serta perolehan tanah bagi tapak sekolah baharu.

5. Seterusnya, perkhidmatan penjagaan kesihatan juga turut diberi penekanan dalam RMKe-12. Antara usaha yang dilaksana adalah memperkukuh personel penjagaan kesihatan dan menambah baik fasiliti penjagaan kesihatan bagi memastikan akses yang lebih baik dan penyampaian yang lebih cekap terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Konsep hospital kluster juga akan diperluas bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan pakar, bilangan

perkhidmatan kesihatan bergerak akan ditambah dan fasiliti penjagaan kesihatan sedia ada akan dinaik taraf.

6. Beberapa klinik kesihatan baharu juga akan dibina termasuk di Beaufort, Sabah dan di Sarikei di Sarawak manakala projek menaiktaraf klinik kesihatan Asajaya di Samarahan, Sarawak juga akan dilaksanakan. Bagi klinik kesihatan Kerajaan yang terletak jauh daripada hospital akan dilengkapi dengan pusat bersalin, bilik pemerhatian dan perkhidmatan x-ray. Sebuah pusat darah wilayah akan dibina di Sabah, manakala makmal kesihatan awam dan makmal keselamatan makanan negeri akan dibina di Sarawak.

7. Selain itu, bagi penduduk yang kurang mendapat liputan, bilangan kenderaan khas bagi tujuan pemindahan pesakit yang digunakan oleh pejabat kesihatan daerah akan ditambah dan lebih banyak kelengkapan perubatan akan disediakan di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, pembinaan hospital pengajar untuk Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak akan melengkapkan usaha untuk menghasilkan lebih ramai pakar perubatan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Pelbagai strategi dan inisiatif tersebut akan terus diberikan tumpuan dalam menaik taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan inisiatif dan strategi ini akan membawa kepada pembangunan yang lebih inklusif bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini cadangan pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pentadbiran terdahulu pada 15 Jun 2022 telah bersetuju dengan syor Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-rasuah supaya Kertas Pertimbangan berkaitan Hasil Kajian Pengasingan Kuasa Pendakwa Raya dan Peguam Negara ditangguhkan kerana perkara ini melibatkan implikasi kewangan dan perundangan yang besar serta kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC).
2. Walaubagaimanapun, Kerajaan Perpaduan komited terhadap reformasi institusi, antara lainnya pengasingan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya untuk memastikan supaya pendakwaan adalah bebas daripada sebarang konflik kepentingan. Pada 7 Disember 2022, Jabatan Peguam Negara (AGC) telah memberikan taklimat berkenaan perkara ini termasuk cadangan langkah seterusnya yang perlu diambil.
3. Susulan itu, Kerajaan juga dalam masa terdekat akan menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] untuk meneliti secara menyeluruh isu-isu berkaitan integriti serta kebebasan institusi kehakiman dan perundangan di negara ini termasuk dakwaan-dakwaan yang terkandung dalam buku "*My Story: Justice in the Wilderness*". RCI ini akan juga antara lain akan mengemukakan apa-apa syor bagi menambahbaik dan meningkatkan keyakinan masyarakat umum terhadap institusi perkhidmatan perundangan negara demi memelihara dan menjaga nama baik jawatan Peguam Negara/Pendakwa Raya dan institusi AGC yang adil, bebas dan professional, termasuk keperluan untuk meminda Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN  
[PUNCAK BORNEO]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar Bumiputera bukan Islam dari Wilayah Sabah dan Sarawak yang diterima masuk ke universiti awam dari tahun 2016 ke 2023 mengikut fakulti/bidang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pada tahun 2022 pelajar dari negeri kelahiran Sarawak, Sabah dan W.P Labuan yang menuntut di universiti awam adalah seramai 71,205 orang, meningkat sebanyak 16.1% berbanding tahun 2016.
2. Pecahan pelajar mengikut negeri dan status bumiputera pada tahun 2022 adalah seperti berikut:
  - a. Sarawak 34,248 (Bumiputera 82.8%, Bukan Bumiputera 17.2%)
  - b. Sabah 35,650 (Bumiputera 95.0%, Bukan Bumiputera 5.0%).
  - c. W.P Labuan 1,271 (Bumiputera 94.6%, Bukan Bumiputera 5.4%)
3. Jumlah Pelajar Bumiputera bukan Islam bagi ketiga-tiga negeri kelahiran tersebut pada tahun 2022 adalah 22,056 orang pelajar iaitu negeri Sarawak adalah seramai 12,308 orang pelajar diikuti oleh Sabah 9,627 orang pelajar dan W.P Labuan seramai 121 orang pelajar.
4. Manakala empat (4) bidang pengajian tertinggi yang diikuti oleh pelajar bumiputera bukan Islam, mengikut peratusan adalah seperti berikut :
  - a. Bidang sains sosial, perniagaan & perundangan (34.9%)
  - b. bidang kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, (18.6%)
  - c. Bidang pendidikan (13.1%)
  - d. bidang sains, matematik & komputer (13.0%)
5. Segala maklumat yang saya nyatakan ini adalah bagi tahun 2022.
6. Untuk tahun 2016, 2017, 2018, 2019, 2020 dan 2021, saya lampirkan jadual lengkap yang mengandungi segala maklumat yang dikehendaki oleh YB Puncak Borneo.

**Bilangan Enrolmen Pelajar Bumiputera Bukan Islam Kelahiran Sarawak, Sabah dan W.P. Labuan mengikut Bidang Pengajian**

NEGERI LAHIR	BIDANG PENGAJIAN	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
		Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.	Bil.
Sarawak	PROGRAM ASAS	39	29	27	44	38	32	16
	PENDIDIKAN	649	752	787	988	1,140	1,323	1,340
	SASTERA DAN KEMANUSIAAN	496	555	697	835	944	900	849
	SAINS SOSIAL, PERNIAGAAN DAN PERUNDANGAN	3,702	3,829	4,282	4,596	4,734	4,793	4,507
	SAINS, MATEMATIK DAN KOMPUTER	1,516	1,673	1,788	1,712	1,831	1,743	1,613
	KEJURUTERAAN, PEMBUATAN DAN PEMBINAAN	1,823	1,917	2,176	2,388	2,571	2,662	2,528
	PERTANIAN DAN VETERINAR	485	476	509	563	571	568	498
	KESIHATAN DAN KEBAJIKAN	429	448	528	586	637	625	592
	PERKHIDMATAN	333	332	315	376	415	431	365
	<b>Jumlah</b>	<b>9,472</b>	<b>10,011</b>	<b>11,109</b>	<b>12,088</b>	<b>12,881</b>	<b>13,077</b>	<b>12,308</b>
Sabah	PROGRAM ASAS	4	1	4	14	16	16	12
	PENDIDIKAN	853	940	942	1,124	1,353	1,556	1,523
	SASTERA DAN KEMANUSIAAN	620	691	718	680	694	697	665
	SAINS SOSIAL, PERNIAGAAN DAN PERUNDANGAN	2,713	2,817	3,005	3,075	3,138	3,248	3,158
	SAINS, MATEMATIK DAN KOMPUTER	1,068	1,143	1,194	1,200	1,321	1,322	1,238



**NO. SOALAN : 17**

	KEJURUTERAAN, PEMBUATAN DAN PEMBINAAN	1,259	1,350	1,468	1,512	1,662	1,672	1,564
	PERTANIAN DAN VETERINAR	383	368	385	371	400	455	439
	KESIHATAN DAN KEBAJIKAN	360	474	506	693	695	550	542
	PERKHIDMATAN	434	484	523	575	584	537	486
	<b>Jumlah</b>	<b>7,694</b>	<b>8,268</b>	<b>8,745</b>	<b>9,244</b>	<b>9,863</b>	<b>10,053</b>	<b>9,627</b>
W.P. Labuan	PENDIDIKAN	3	2	3	9	12	16	18
	SASTERA DAN KEMANUSIAAN	4	4	5	7	3	3	5
	SAINS SOSIAL, PERNIAGAAN DAN PERUNDANGAN	16	23	35	40	44	35	33
	SAINS, MATEMATIK DAN KOMPUTER	7	12	18	18	24	25	25
	KEJURUTERAAN, PEMBUATAN DAN PEMBINAAN	18	17	17	16	22	20	18
	PERTANIAN DAN VETERINAR		2	2	3	3	5	5
	KESIHATAN DAN KEBAJIKAN	5	6	7	6	8	9	10
	PERKHIDMATAN	3	6	4	4	3	7	7
	<b>Jumlah</b>	<b>56</b>	<b>72</b>	<b>91</b>	<b>103</b>	<b>119</b>	<b>120</b>	<b>121</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>17,222</b>	<b>18,351</b>	<b>19,945</b>	<b>21,435</b>	<b>22,863</b>	<b>23,250</b>	<b>22,056</b>

Sumber : Sistem MyMoheS; *cut off date* 2022 bagi data sehingga 31 Mei 2022

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH [BESUT]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah remedi yang boleh diterima oleh mangsa yang diceroboh data peribadi dan siapakah badan atau agensi berkaitan yang boleh dirujuk oleh mangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] telah digubal pada tahun 2010 dan telah dikuatkuasakan mulai 15 November 2013. Akta 709 adalah tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Namun, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah tertakluk kepada Akta ini. Tujuan penggubalan Akta ini adalah untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan terpakai kepada mana-mana orang atau entiti yang memproses dan mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial.

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) adalah agensi tunggal yang dipertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta 709. Sekiranya seseorang itu mendapati data peribadinya disalahgunakan oleh individu atau syarikat dalam transaksi komersial, mangsa boleh membuat aduan terus kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Denda dan kompaun bagi pelanggaran peruntukan di bawah Akta 709 dikenakan terhadap pengguna data berkaitan memandangkan Akta 709 merupakan Akta Jenayah.

Seseorang Pengguna Data yang melanggar mana-mana di antara 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 5(2) Akta 709 dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM 300,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Denda maksima yang boleh dikenakan di bawah subseksyen 16(4) adalah tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Jumlah kompaun yang boleh dikenakan atas kesalahan yang sama adalah sebanyak RM250,000. Rakyat boleh juga mengambil tindakan litigasi sivil terhadap agensi/syarikat yang cuai semasa mengendalikan data dalam pemilikan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan dasar dan pendekatan yang dirancang untuk terus memperkasakan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) bagi memacu pertumbuhan ekonomi setiap negeri. Perincikan apakah projek/program yang telah dilaksanakan/dirancang berserta kos bagi setiap negeri sejak 2018 hingga 2023.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) telah diwujudkan semasa pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu sekitar tahun 1960an-1970an yang bertujuan untuk meningkatkan keseimbangan pembangunan ekonomi di setiap negeri. Matlamat asal PKEN adalah untuk menjadi agensi utama negeri-negeri bagi melaksana dan mempercepatkan pembangunan dan kemajuan sosioekonomi negeri.

2. Terdapat 13 buah PKEN di seluruh negeri di mana negeri yang terawal menubuhkan PKEN adalah Selangor iaitu tahun 1964. Sebagai sebuah agensi yang berstatus Badan Berkanun Negeri, PKEN berfungsi untuk bersama-sama dengan negeri untuk membangun dan memajukan negeri sejajar dengan pembangunan yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan.

3. Fungsi Kerajaan Persekutuan dalam memacu pertumbuhan ekonomi setiap negeri adalah minimum dan tertumpu kepada dua fungsi. Fungsi pertama ialah memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi menyokong pembangunan ekonomi di negeri-negeri. Sebagai contoh, sepanjang tempoh tahun 2018-2022, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM885.12 juta kepada PKEN di mana jumlah ini telah menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Sebahagian besar peruntukan ini disalurkan untuk projek-projek pembangunan terutamanya pembangunan infrastruktur, pembangunan hartanah dan industri kepada negeri yang terlibat.

4. Antara PKEN yang telah menerima peruntukan sepanjang tempoh 2018-2022 tersebut adalah seperti:

- i. Johor Corporation (JCorp) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM26.37 juta bertujuan untuk pembangunan kilang di kawasan perindustrian Pasir Gudang, Johor;

- ii. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) menerima peruntukan sebanyak RM15.30 juta khusus untuk membiayai pembangunan infrastruktur di Bukit Kayu Hitam, Kedah;
- iii. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menerima sebanyak RM17.50 juta bagi membangunkan kawasan industri kecil di Pengkalan Chepa, Kelantan;
- iv. Perbadanan Pembangunan Negeri Sabah (SEDCO) sebanyak RM20.93 juta yang bertujuan untuk pembangunan industri kecil di Sepanggar, Sabah; dan
- v. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) turut menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM13.14 juta yang digunakan untuk pembinaan unit kilang berkembar di Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu

5. Bagi tahun 2023, anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara yang diperuntukkan kepada PKEN adalah sebanyak RM20.77 juta. Jumlah ini hanya melibatkan kategori projek sambungan bagi kerja-kerja infrastruktur dan pembinaan kilang perindustrian. Keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023.

6. Fungsi kedua Kerajaan Persekutuan adalah sebagai penyelarass kepada perancangan pembangunan melalui platform tertentu, antaranya seperti Mesyuarat Kerjasama Strategik Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Persekutuan dan Negeri. Platform ini digunakan bagi berkongsi maklumat mengenai idea baru pembangunan negeri, amalan terbaik yang boleh dicontohi, perkongsian maklumat dan data ekonomi dan kajian yang dilaksanakan untuk manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN ABD.  
MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pertuduhan berprofil tinggi membabitkan ahli politik dan pegawai awam yang belum dibawa ke muka pengadilan untuk dijatuhkan hukuman dan secara terperinci apakah sebab-sebab ia ditangguhkan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan berdasarkan penguatkuasaan undang-undang dan elemen pembuktian kesalahan. Justeru itu, semua siasatan yang mempunyai bukti yang jelas dan mencukupi akan disyorkan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk tindakan pendakwaan.

2. Walau bagaimanapun, sepanjang tahun 2018 sehingga Januari 2023 sebanyak 180 kes berprofil tinggi, berkepentingan awam dan sensitif telah dituduh di Mahkamah. Sebanyak 60 kes telah selesai perbicaraan dan daripada jumlah tersebut seramai 72 individu telah disabitkan kesalahan manakala 120 kes masih lagi dalam proses perbicaraan di Mahkamah. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dalam tempoh tiga tahun lalu berapa ramai graduan yang masih menganggur.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan graduan yang belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian adalah seperti berikut:

- a. Seramai 41,161 orang atau 13.8 peratus daripada 298,551 graduan warganegara pada tahun 2019;
- b. Seramai 40,550 orang atau 15.6 peratus daripada 260,701 graduan warganegara yang menamatkan pengajian pada tahun 2020; dan
- c. Seramai 41,467 orang atau 14.5 peratus daripada 286,299 graduan warganegara pada tahun 2021.

2. Data-data ini adalah khusus bagi setiap tahun dan tidak bersifat kumulatif atau terkumpul dari tahun-tahun sebelumnya.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA TAHUN 2023  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina pusat pemindahan kekal banjir di Tumpat memandangkan keperluan dan kekerapan banjir yang dialami.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan dalam perancangan untuk membina Pusat Pemindahan Kekal banjir di seluruh negara. Buat masa sekarang Kerajaan Pusat bersama Kerajaan Negeri mengenal pasti kawasan terpilih untuk dijadikan projek perintis sebelum dilaksanakan di seluruh negara.

Untuk Parlimen Tumpat khususnya, beberapa kawasan telah dicadangkan oleh Kelantan melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) iaitu di Kelaboran serta pembinaan tambahan dewan serbaguna untuk dijadikan Pusat Pemindahan Kekal di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Kubor 2, Sekolah Kebangsaan Sri Tumpat 2 serta Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu.

Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan ini akan diperhalusi oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bersama Kerajaan Negeri bagi mengoptimalkan Pusat Pemindahan Kekal yang diperlukan di Tumpat. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ TAIPING ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WONG KAH WOH [ TAIPING ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi pencapaian Pelan Antirasuah Nasional (NACP) setakat kini. Nyatakan sejauh manakah fungsi GIACC dalam pelaksanaan NACP dan sama ada GIACC akan dikekalkan selepas ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga Disember 2022 pula, 58 inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu 52% daripada keseluruhan inisiatif yang dipantau telah siap dilaksanakan menjadikan jumlah inisiatif yang telah selesai sehingga 31 Disember 2022 sebanyak 58 inisiatif.
2. Sebanyak 53 inisiatif NACP lagi yang masih dalam tindakan pelaksanaan sehingga 31 Disember 2023, jumlah ini bersamaan 48%, dan diunjurkan dapat dilaksanakan walaupun berbaki setahun lagi dengan komitmen baik oleh 27 Ketua Agensi Peneraju dengan mengambil kira cabaran yang dihadapi khususnya apabila melibatkan aspek pindaan perundangan.
3. Kerajaan pada 7 Disember 2022 telah bersetuju GIACC dibubarkan dan fungsinya diserap oleh agensi-agensi berkaitan. Tiada sebarang ketetapan bahawa NACP tidak diteruskan, oleh itu, pelaksanaannya masih lagi berjalan sebagaimana perancangan yang telah digariskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bilangan dan nilai projek yang terlibat dalam penyalahgunaan kuasa, khususnya tender rundingan terus dan yang melibatkan ahli keluarga pemimpin utama, serta tindakan yang diambil ke atas mereka yang dapat 'habuan'.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menjalankan siasatan terhadap isu-isu berkaitan tender rundingan terus. Antaranya adalah projek-projek di bawah Jana Wibawa yang mana ianya melibatkan projek pembangunan dan infrastruktur. Sebanyak lima puluh enam (56) projek telah mendapat Surat Setuju Terima (SST) dan keseluruhan projek tersebut bernilai RM6.3 billion.

2. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa senarai SST yang telah dikeluarkan yang mana melibatkan ahli keluarga pemimpin utama parti politik tertentu. Setakat ini, SPRM belum dapat mengenal pasti nilai sebenar projek tersebut.

3. Di samping itu, terdapat juga beberapa tambahan projek lain yang masih dalam tindakan siasatan SPRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA  
[ POKOK SENAJ ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [ POKOK SENAJ** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kementerian untuk membentangkan Akta Pendanaan Politik bagi mengatasi isu pendanaan asing seperti yang pernah dihebahkan sebelum ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 28 September 2022, satu sesi libat urus peringkat dasar bersama ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang telah diadakan yang dihadiri antara lain oleh wakil Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara. Susulan daripada sesi libat urus tersebut, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) ketika itu telah memberi masa selama dua minggu kepada ahli-ahli Parlimen untuk memberikan maklum balas berhubung dengan RUU tersebut secara bertulis.

2. Landskap politik Malaysia telah mengalami beberapa perubahan selepas Pilihan Raya Umum ke-15. Oleh yang demikian, Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu sesi libat urus berkenaan RUU Dana Politik untuk mendapatkan maklum balas gabungan politik, parti-parti politik dan pihak berkepentingan, agar sebarang RUU yang bakal dibentangkan di Jemaah Menteri adalah inklusif dan komprehensif serta mencerminkan keperluan semasa. Sebarang kertas kerja dan laporan pentadbiran terdahulu turut akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

3. Kerajaan juga akan mengambil kira amalan dan perundangan yang sedia ada untuk mengatasi isu dana politik, antaranya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], , Akta Pendaftar Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Kegiatan Haram 2001 [Akta 613].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI [JELUTONG]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkenaan skandal stimulus COVID-19 melibatkan jumlah RM92.5 bilion yang diumumkan ketika Yang Berhormat Pagoh menjadi Perdana Menteri Malaysia.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, isu ini masih dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut sebagaimana yang termaktub dalam subseksyen 29(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**  
**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini tentang perbicaraan tuntutan 'pewaris' Sultan Sulu terhadap 'pampasan' ke atas Sabah.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa tindakan untuk mencabar dan menamatkan tuntutan warga Filipina yang mengaku sebagai waris Sultan Sulu. Status terkini tindakan-tindakan yang di ambil adalah seperti berikut:

**I. PERANCIS:**

1. Berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi Madrid di Sepanyol yang membatalkan pelantikan Dr. Stampa sebagai penimbang tara bertarikh 29 Jun 2021, warga Filipina yang mendakwa sebagai waris kepada Sultan Sulu telah mendapatkan Perintah dari Mahkamah Perancis

bertarikh 29 September 2021 untuk mengiktirafkan Preliminary Award bertarikh 25 Mei 2020. Dengan Perintah Mahkamah Perancis tersebut Dr. Stampa telah memindahkan prosiding timbang tara yang sepatutnya telah diberhentikan ke Paris, Perancis.

**(i) Permohonan Rayuan oleh Kerajaan Malaysia terhadap Perintah Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2022**

- Pendengaran telah berlangsung pada 6 Februari 2023 di Mahkamah Rayuan Perancis. Keputusan dijangka akan dikeluarkan pada Jun 2023.

**(ii) Permohonan untuk menggantung Perintah Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2021**

- Pada 16 Disember 2021, Mahkamah Perancis telah membenarkan penggantungan Perintah Mahkamah Perancis bertarikh 29 September 2021 sehingga keputusan mengenai Permohonan rayuan terhadap Perintah bertarikh 29 September 2021 oleh Kerajaan Malaysia dikeluarkan. Warga Filipina yang mendakwa sebagai waris Sultan Sulu telah merayu keputusan penggantungan ini dan telah diterima oleh Mahkamah Perancis. Perintah Penggantungan bertarikh 16 Disember 2021 tersebut telah ditarik balik oleh Mahkamah Perancis pada 10 Jun 2022.
- Kerajaan Malaysia sedang merayu keputusan 10 Jun 2022 dan telah memfailkan hujahan di Mahkamah Perancis. Tarikh Pendengaran belum ditentukan.

**(iii) Permohonan oleh Kerajaan Malaysia untuk membatalkan Final Award yang telah dikeluarkan oleh Dr. Stampa pada 28 Februari 2022.**

- Kerajaan Malaysia telah memfailkan hujahan-hujahan yang diperlukan dan sedang menunggu tarikh pendengaran.

(iv) **Permohonan untuk menggantung Final Award yang telah dikeluarkan oleh Dr. Stampa pada 28 Februari 2022**

- Mahkamah Perancis telah membenarkan penggantungan Final Award sehingga keputusan mengenai Permohonan oleh Kerajaan Malaysia untuk membatalkan Final Award dikeluarkan. Warga Filipina yang mendakwa sebagai waris Sultan Sulu sedang merayu keputusan ini.
- Pendengaran bagi rayuan ini telah berlangsung pada 16 Januari 2023 dan keputusan dijadualkan 6 minggu selepas pendengaran.

**II. LUXEMBOURG**

2. Selain daripada tindakan di Sepanyol dan Perancis, pihak warga Filipina juga telah memulakan prosiding penguatkuasaan *Final Award* di Luxembourg melalui suatu *Exequatur Order* bertarikh 18 Mei 2022 bagi mengiktiraf *Final Award* yang dikeluarkan oleh Dr. Stampa. Sebagai tindak balas, Kerajaan telah mengambil tindakan perundangan di Mahkamah Luxembourg seperti berikut:

(i) **Permohonan Kerajaan untuk mencabar *Exequatur Order* bertarikh 18 Mei 2022:**

- Pada 6 September 2022, Kerajaan telah memfailkan rayuan untuk mencabar *Exequatur Order* tersebut dan kini sedang menunggu Mahkamah Luxembourg untuk menetapkan tarikh akhir pengemukakan hujahan oleh Penuntut.

(ii) **Permohonan Kerajaan untuk mencabar penguatkuasaan *Final Award*:**

- Lanjutan daripada tindakan pihak warga Filipina dalam mendapatkan perintah penahanan terhadap sembilan (9) bank Luxembourg bagi menahan aset Malaysia untuk tujuan penguatkuasaan *Final Award* tersebut, Kerajaan telah

memfailkan permohonan relif interim bagi membatalkan perintah penahanan aset tersebut yang telah difailkan pada 13 dan 14 September 2022. Pendengaran bagi permohonan ini telah diadakan pada 5 Disember 2022.

- Pada 24 Januari 2023, Mahkamah Luxembourg telah memberi keputusan yang berpihak kepada Kerajaan dengan mengetepikan perintah penahanan aset yang telah difailkan oleh pihak warga Filipina tersebut.
- Pada 16 Februari 2023, Mahkamah Luxembourg sekali lagi mengeluarkan perintah penahanan (*attachment order*) baharu kepada dua anak syarikat Petronas. Pihak Petronas telah menyatakan akan mempertahankan aset mereka dalam *validation proceeding* yang akan datang, di mana merit tuntutan tersebut akan ditentukan.

### **III. BELANDA**

#### **(i) Permohonan pihak warga Filipina dalam menguatkuasakan *Final Award* di Belanda**

- Pada 6 Januari 2023, Kerajaan Malaysia melalui Wisma Putra telah menerima serahan bagi permohonan pihak warga Filipina dalam menguatkuasakan *Final Award* di Belanda. Mahkamah Belanda telah menetapkan tarikh pendengaran bagi permohonan pihak warga Filipina tersebut pada 17 April 2023.
- Dalam perkara ini, Jabatan Peguam Negara bersama peguam asing yang telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sedang dalam proses penyediaan pernyataan pembelaan dalam mencabar permohonan pihak warga Filipina tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAILIL NIZAM BIN  
KHIRUDIN [JERANTUT]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**IR. TS. HAJI KHAILIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan penjelasan mengapa Kerajaan bersifat memilih dan bersikap *double standard* untuk membanteras isu di media sosial, yang mana akaun-akaun Tik Tok yang menyuarakan hak kebebasan politik Pembangkang disekat, namun akaun-akaun Twitter yang menyebarkan pornografi ataupun akaun 'Dark Side' (DS) tidak diambil apa-apa tindakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap mana-mana individu atau pihak, tanpa mengira latar belakang dan pegangan politik sekiranya didapati melakukan kesalahan di bawah undang-undang. Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada serta berdasarkan aduan daripada masyarakat awam serta pihak yang terkesan tanpa adanya unsur berat sebelah.

Tidak timbul isu, dengan izin "*double standard*" atau memilih dalam usaha pihak Kerajaan untuk membanteras penyalahgunaan media sosial. Sekatan tidak akan dikenakan ke atas mana-mana individu untuk meluahkan perasaan atau pendapat selagi masih berada di dalam

lingkungan dan batasan undang-undang. Ini bagi memastikan media sosial tidak disalah guna sehingga boleh mengancam keamanan dan kestabilan negara.

Dari tahun 2020 hingga tahun 2022, sebanyak 176 aduan telah diterima dan disiasat oleh SKMM berhubung kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22 kes telah didakwa di mahkamah di mana 19 kes telah selesai dan dijatuhkan hukuman denda dengan nilai keseluruhan yang berjumlah RM 111,000.00 dan sebanyak 3 kes lagi sedang dalam proses perbicaraan.

Selain dari tindakan siasatan, SKMM juga telah merujuk kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka. Dalam masa yang sama, pihak SKMM juga telah melaporkan sejumlah 217 akaun yang didapati memuat naik kandungan-kandungan yang berunsur lucah kepada pihak *Twitter*, di mana kesemua akaun dan laman tersebut telah pun diturunkan.

Melihat isu *dark side* ini secara holistik, ianya berkait rapat dengan masalah sosial yang perlu ditangani secara menyeluruh oleh semua, dan sekatan kepada platform media sosial bukan jalan penyelesaian yang mutlak selagi usaha-usaha pemantapan jati diri rakyat tidak dilaksanakan. Langkah dan tindakan dalam usaha membasmi dan mencegah pengaruh negatif termasuk pornografi dan penyalahgunaan media sosial terutamanya dalam kalangan generasi muda merupakan tanggungjawab bersama dan memerlukan usaha bersepadu pelbagai pihak, khususnya golongan ibu bapa dan penjaga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN  
ABDULLAH [ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [ PAYA BESAR ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah prestasi bagi kelima-lima buah koridor wilayah ekonomi dari segi penciptaan ekonomi baharu dan peningkatan pendapatan masyarakat tempatan terutamanya dalam bidang perkhidmatan digital dan industri berasaskan teknologi tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan koridor ekonomi wilayah bertujuan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi serta merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan antara kawasan bandar dengan luar bandar.
2. Melalui inisiatif pembangunan yang dilaksanakan, Pihak Berkuasa Koridor di lima (5) koridor ekonomi wilayah telah merekodkan jumlah pelaburan komited sebanyak **RM343.06 bilion** dengan sejumlah **RM263.79 bilion** pelaburan telah direalisasi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Pelaburan ini turut menjana sebanyak 297,480 peluang pekerjaan dan 27,602 peluang keusahawanan di seluruh koridor ekonomi wilayah.
3. Bagi tahun 2021-2022 dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Pihak Berkuasa Koridor telah mencatatkan jumlah pelaburan komited sebanyak **RM101.43 bilion** dengan jumlah pelaburan direalisasi sebanyak **RM64.07 bilion**. Dalam tempoh yang sama, Pihak Berkuasa Koridor juga berjaya menarik sebanyak **206,339** peluang pekerjaan dan **15,071** peluang keusahawanan di koridor ekonomi wilayah walaupun berdepan dengan cabaran pasca pandemik COVID-19.
4. Pembangunan di Koridor Ekonomi Wilayah akan terus diberi perhatian di mana potensi sedia ada di wilayah akan terus dimanfaatkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi serta menangani ketidakseimbangan wilayah. Selaras dengan strategi yang digariskan di bawah RMKe-12, usaha untuk menarik pelaburan berkualiti melalui pelaksanaan projek-projek yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dengan pendekatan teknologi, automasi dan inovasi akan terus dipergiat di wilayah.
5. Terdapat beberapa program menggalakkan penggunaan teknologi dan inovasi yang dilaksanakan di bawah Pihak Berkuasa Koridor dalam tempoh RMKe-12. Antara program yang terlibat adalah seperti berikut:



- (i) Inisiatif NCER-*Technology Innovation Centre* (NTIC) melibatkan program *Centre of Excellence* (CoE) dan *Technology & Innovation* (T&I) di bawah seliaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Program ini diperkenal bagi menggalakkan aktiviti automasi, inovasi dan pendigitalan di kalangan syarikat tempatan agar lebih berdaya saing;
- (ii) Program-program pembangunan modal insan di bawah seliaan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) seperti *empower* ECER dan *entrepreneur* ECER yang menerapkan transformasi ekonomi digital di kalangan usahawan melalui latihan pemasaran digital dan pengetahuan mengenai Industri 4.0;
- (iii) Program Pertanian Bandar Iskandar Malaysia atau *Iskandar Malaysia Urban Farming* (IMURFARM) di bawah seliaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) yang merupakan kumpulan inisiatif program pemerksaan kumpulan sasar yang kesemuanya di dalam kumpulan berpendapatan rendah. Terdapat elemen digital yang dimanfaatkan dalam program-program yang dijalankan terutama dari aspek pemasaran dalam sosial media;

6. Selain itu, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) turut mengambil kira pendekatan teknologi dan inovasi dalam Rangka Tindakan Pembangunan *Sabah Development Corridor* (SDC) 2.0 (2021-2030). Inisiatif terlibat termasuklah pelaksanaan ekonomi digital, ketersambungan digital dan hab pengetahuan. Manakala Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) melalui Pelan Pembangunan Sosioekonomi 2022-2026 juga memperkenalkan beberapa inisiatif seperti menggalakkan industri berteknologi tinggi dan pertanian pintar bagi penghasilan produk tempatan berkualiti seperti garam bukit, madu kelulut, nanas dan kopi. Inisiatif ini berupaya membantu dalam meningkatkan produktiviti dan kapasiti pengeluaran khususnya pengusaha-pengusaha di wilayah SCORE, Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN  
WAN AHMAD KAMAL [ MACHANG ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN WAN AHMAD FAYHSAL BIN WAN AHMAD KAMAL [MACHANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status tindakan Kerajaan terhadap laporan Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) yang diserahkan kepada Kerajaan pada Ogos 2020.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Laporan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) yang mengandungi 49 syor akan diteliti oleh sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet. Jawatankuasa Khas Kabinet ini akan meneliti semua syor yang dikemukakan serta mengkaji kesesuaian pelaksanaannya. Ini kerana syor-syor ERC melibatkan perundangan dan bidang kuasa pelbagai kementerian. Selain itu, syor-syor itu juga memerlukan pindaan ke atas sistem pilihan raya, undang-undang, termasuklah pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Projek Jiwa Murni khususnya di Sarawak akan diteruskan dan apakah status pelaksanaan projek jalan raya dari Ba'Kelalan ke Bario.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan telah melaksanakan Projek Jiwa Murni (PJM) bagi pembinaan jalan dan jambatan di negeri Sarawak sejak tahun 2009. Sehingga kini, terdapat 3 projek yang masih belum disiapkan sepenuhnya iaitu 2 projek di Bahagian Kapit dan 1 projek di Bahagian Limbang. Kesemua projek ini dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya pada Disember 2023.
2. Mengenai PJM Pembinaan Jalan dan Jambatan di Ba'kelalan ke Bario Fasa 2B, ianya telah mula dilaksanakan pada 2 Mei 2016 dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM116 juta dan tarikh siap asal adalah pada 30 April 2018. Peratus kemajuan projek berakhir pada 31 Disember 2022 adalah 99.57% dengan bayaran kemajuan sehingga kini berjumlah RM113 juta. Projek dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada awal April 2023.
3. Faktor lewat siap projek ini adalah disebabkan keadaan cuaca yang luar biasa akibat daripada perubahan iklim dan isu penularan wabak COVID-19 yang telah menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek-projek ini. Namun demikian pihak Kementerian Pertahanan dengan kerjasama dari agensi Kerajaan yang lain komited untuk menyiapkan projek ini demi kepentingan penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat tender terbuka semula oleh Digital Nasional Berhad (DNB) untuk memastikan pengguna dapat menggunakan perkhidmatan 5G dengan kos yang paling murah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Proses tender yang dilaksanakan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) pada tahun 2021 untuk melantik syarikat pembekal perkakasan rangkaian atau dengan izin, *network equipment provider* (NEP) sememangnya telah dilaksanakan secara tender terbuka.

Melalui proses tender terbuka ini, syarikat Ericsson telah dilantik sebagai pembekal perkakasan rangkaian kepada DNB di mana syarikat tersebut telah menawarkan harga paling kompetitif iaitu RM700 juta lebih rendah berbanding tawaran kedua terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berapa peratusan liputan 4G di Daerah Kudat. Apakah usaha Kementerian untuk memenuhi keperluan komunikasi digital kepada penduduk luar bandar untuk kemudahan perhubungan dan pembelajaran khususnya pelajar dan guru-guru di sekolah pedalaman serta perkembangan ekonomi peniaga digital di luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Kudat setakat suku ketiga 2022 adalah 83.10%. Bagi memenuhi keperluan komunikasi digital kepada penduduk di seluruh negara termasuk di pedalaman dan luar bandar, Kerajaan melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), telah mewujudkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kesalinghubungan dan komunikasi yang mampan.

Selain itu, bagi kawasan pedalaman di seluruh negara, Kerajaan telah mempercepatkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit di 839 lokasi yang pada asalnya dirancang di dalam JENDELA Fasa 2 ke Fasa 1.

**SOALAN NO: 33**

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Premis Tersedia Gentian Optik		Jalur Lebar Satelit
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Siap
Seluruh Negara	3,683	1,778	38,083	37,977	2,527,184	2,780,580	839

Manakala, sebanyak 2,780,580 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik untuk jalur lebar talian tetap melebihi daripada sejumlah 2,527,184 yang dirancang. Selain itu, sebanyak 37,977 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G, manakala baki sebanyak 106 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada sejumlah 38,083 yang dirancang.

Kerajaan juga telah menyiapkan sebanyak 1,778 menara baharu dan sedang dalam proses menyiapkan baki sebanyak 1,905 menara daripada sejumlah 3,683 menara yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan ini dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Dengan pelaksanaan inisiatif JENDELA Fasa 1 dan Fasa 2, capaian jaringan dan liputan internet di seluruh negara termasuklah kawasan pedalaman dan luar bandar sedang diperluaskan secara berperingkat.

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi melalui pelaksanaan projek Pelan JENDELA dan satelit, pihak Kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence (PoP)*. Kaedah ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar sebagai hab untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PoP di Sabah adalah sebanyak 695 kawasan berhampiran sekolah luar bandar dan daripada jumlah tersebut 59 kawasan terlibat dalam pelaksanaan PoP Fasa 1 manakala bagi Fasa 2 pula sebanyak 636. Sehingga 10 Februari 2023, pelaksanaan PoP Fasa 1 di Sabah telah berjaya disempurnakan dengan penyediaan premis sebanyak 6,914 yang mana dari jumlah tersebut 2,411 telah dilanggan oleh penduduk sekitarnya.

## SOALAN NO: 33

Di Kudat secara keseluruhannya sebanyak 6 buah kawasan sekolah telah berjaya disiapkan iaitu Sekolah Kebangsaan Pekan Kudat 2, Sekolah Kebangsaan Tun Datu Hj Mustapha, Sekolah Kebangsaan Muhibbah, Sekolah Kebangsaan Sikuati, Sekolah Kebangsaan Landung Ayang Dan Sekolah Kebangsaan Lok Yuk Batu 1 Kudat. Baki 59 buah kawasan sekolah di Kudat akan dilaksanakan di dalam PoP Fasa 2.

Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan sebanyak 911 Pusat Ekonomi Digital (PEDi), yang bertumpu di kawasan yang kurang mendapat liputan jalur lebar seperti di kawasan luar bandar, pedalaman serta masyarakat yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah yang boleh digunakan oleh pelajar, guru-guru dan para usahawan digital.

Setakat 31 Disember 2022, terdapat sebanyak 118 buah PEDi di Sabah dan daripada jumlah ini, terdapat 3 buah PEDi ditubuhkan dan beroperasi di Kudat di mana pelbagai kursus dan latihan berasaskan ICT, keusahawanan, multimedia, e-pembelajaran dan program kesedaran dan penglibatan komuniti sedang dilaksanakan dalam usaha bagi meningkatkan literasi digital penduduk setempat.

Bagi pelajar dan guru-guru, pelbagai latihan-latihan ICT dan e-pembelajaran disediakan di PEDi seperti *Microsoft Office*, pembangunan laman sesawang, asas penggunaan Internet, eKelas, JomStudi, e-Tuisyen, Seminar SPM dalam talian dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED  
ABDUL RAHMAN [ MUAR ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan beberapa peruntukan Parlimen bagi Kawasan Ahli Parlimen Pembangkang dan Ahli Parlimen Kerajaan dan adakah Kerajaan berhasrat untuk memberi peruntukan yang adil bagi kedua- dua pihak supaya rakyat dapat memanfaatkan peruntukan ini walaupun wakil rakyatnya berbeza pendirian politik.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[ MARANG ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memperkenalkan Akta Pendanaan Politik bagi membendung gejala politik wang dan penyelewengan dana dalam kalangan pemimpin dan parti politik.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia Madani mementingkan kepercayaan yang dicerna antara Kerajaan dan rakyatnya berdasarkan pada asas ketelusan dan kerjasama. Oleh itu, Kerajaan komited membanteras rasuah dan politik wang.
2. Pada 21 September 2022, Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan isu-isu berbangkit berhubung dengan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik (RUU) kepada agensi yang berkenaan iaitu Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Jabatan Perdana Menteri.
3. Pada 28 September 2022, satu sesi libat urus peringkat dasar bersama ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang telah diadakan yang dihadiri antara lain oleh wakil Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara.
4. Semasa sesi libat urus tersebut, beberapa isu telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang ketika itu. Oleh yang demikian, RUU tersebut perlu diteliti dan dibawa untuk pertimbangan kepimpinan parti-parti politik masing-masing. Seterusnya, mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) ketika itu telah memberi masa selama dua minggu kepada ahli-ahli Parlimen untuk memberikan maklum balas berhubung dengan RUU tersebut secara bertulis.
5. Pada 10 Oktober 2022, Parlimen telah dibubarkan dan Kerajaan Perpaduan telah terbentuk pada 3 Disember 2022. Oleh yang demikian, sebarang RUU yang diluluskan secara dasar oleh pentadbiran terdahulu perlu dibentangkan dan diperhalusi semula oleh Jemaah Menteri baharu. Susulan perkembangan politik pasca Pilihanraya Umum 15, landskap

politik di Malaysia turut mengalami beberapa perubahan di mana terdapat gabungan politik yang baru. Oleh yang demikian, sesi libat urus akan diadakan untuk mendapatkan maklum balas parti-parti politik dan pihak berkepentingan, agar sebarang RUU yang bakal dibentangkan di Jemaah Menteri adalah inklusif dan komprehensif.

6. Seiring dengan komponen daya cipta dalam konsep Malaysia Madani, selain daripada RUU Dana Politik, Kerajaan juga akan mengambil kira amalan dan perundangan yang sedia ada untuk mengatasi isu dana politik, antaranya Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5], Akta Pendaftar Pertubuhan 1966 [Akta 335] dan Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Kegiatan Haram 2001 [Akta 613].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN  
( LARUT)**

**TARIKH** : **20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN.36**

**DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan blueprint Kerajaan PH-BN untuk meningkatkan iklim pelaburan tempatan bagi menarik semula pangkalan pengeluaran yang membabitkan kesemua segmen ekonomi dan industri utama negara susulan pemecahan geopolitik serta hubungan tegang Amerika Syarikat-China.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa dan akan meneruskan usaha-usaha meningkatkan iklim pelaburan tempatan. Antara usaha dalam meningkatkan pelaburan tempatan dan asing adalah melalui pengenalan Dasar Pelaburan Baharu berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations* - NIA) yang telah dilancarkan pada 6 Oktober 2022. Dasar ini akan mempercepatkan pertumbuhan jangka panjang untuk Malaysia melalui pelaburan berkualiti yang mampan dalam bidang pertumbuhan baharu.

Rangka kerja ini juga memberi tumpuan kepada keterangkuman dan kemampan selaras dengan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan

Tadbir Urus (*Environment, Social and Governance - ESG*). Pelaburan baharu yang berteraskan elemen-elemen ini berpotensi meningkatkan pertumbuhan dalam sektor yang bernilai tambah tinggi dan kompleks dari segi teknologi, serta mengukuhkan ekosistem rangkaian bekalan.

Ianya juga adalah selaras dengan kerangka Malaysia MADANI yang menyokong pembangunan keupayaan yang lestari serta pemindahan teknologi dan daya cipta melalui jalinan kerjasama luar bersama industri tempatan, dalam sektor berpotensi dan berkepentingan strategik, ke arah memacu ekonomi yang berasaskan kesejahteraan terangkum.

Tuan Yang di-Pertua

Selain daripada rangka kerja di atas, Kerajaan melalui MITI dan MIDA akan terus melipatgandakan usaha meningkatkan iklim pelaburan tempatan dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti promosi seperti berikut:

- i. Menganjurkan *MIDA Invest Series Conference* bagi mengenalpasti potensi pelaburan setiap negeri dalam negara. Objektif program ini adalah untuk mempromosi kepada komuniti perniagaan mengenai peluang pembangunan dan pelaburan terkini di negeri masing-masing. Sehingga kini, 12 negeri telah membuat pembentangan iaitu Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program ini akan diteruskan untuk pusingan kedua bagi semua negeri.
- ii. Melaksanakan inisiatif *Domestic Investment Coordination Platform (DICP)* iaitu satu inisiatif yang diwujudkan oleh MIDA bagi membantu syarikat-syarikat tempatan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk meningkatkan kemampuan dalam aspek sumber kewangan. Pasukan ini akan bekerjasama rapat dengan agensi pengawal selia tempatan, institusi kewangan serta firma penasihat ekuiti dan korporat untuk memudahkan syarikat tempatan mengembangkan perniagaan mereka.
- iii. Menubuhkan *SME Investment Desk* yang berfungsi untuk memberi khidmat nasihat mengenai fasiliti kerajaan secara *One Stop Centre* kepada PKS. Melalui inisiatif ini, syarikat tempatan khususnya PKS

## SOALAN NO : 36

berpeluang mendapatkan panduan dan khidmat nasihat mengenai inisiatif dan kemudahan pelaburan yang disediakan oleh Kerajaan.

- iv. Menganjurkan Seminar Pelaburan Domestik untuk menyampaikan maklumat terkini kepada industri mengenai dasar dan kemudahan terkini yang disediakan oleh Kerajaan. Seminar ini juga memberi peluang kepada komuniti perniagaan untuk mengukuhkan rangkaian dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta berbincang mengenai potensi kerjasama perniagaan.
- v. Melaksanakan *Industry Linkage Programme (ILP) / Supply Chain Programme*, dengan izin, bagi mengintegrasikan syarikat domestik dengan multinasional atau syarikat-syarikat besar tempatan melalui kerjasama strategik bagi memperluaskan ekosistem bekalan dan perkhidmatan perniagaan.
- vi. Meningkatkan keupayaan pelabur tempatan melalui Dana Intervensi Industry4WRD bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang telah melalui *Readiness Assessment*, dengan izin, bagi tujuan membiayai perbelanjaan berkaitan latihan kemahiran, penambahbaikan proses dan aplikasi teknologi supaya dapat meraih peluang penyumberan luar daripada syarikat multinasional.

Tuan Yang di-Pertua

Rekod nilai prestasi perdagangan negara menunjukkan bahawa konflik di antara Amerika Syarikat dengan Republik Rakyat China (RRC) memberi kesan yang minimum terhadap prestasi perdagangan Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut. Malahan, hasil hubungan ekonomi yang erat antara Malaysia dengan Amerika Syarikat dan RRC telah berjaya merekodkan pertumbuhan perdagangan yang amat memberangsangkan.

Pada tahun 2022, RRC kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia bagi 14 tahun berturut-turut, iaitu sebanyak 17.1% daripada jumlah perdagangan global Malaysia. Nilai perdagangan dua hala telah meningkat sebanyak 15.6% kepada RM487.13 bilion berbanding tahun 2021. Buat pertama kalinya, jumlah eksport Malaysia ke RRC mencecah RM210.62 bilion dan melepasi paras RM200 bilion dengan peningkatan sebanyak 9.4%. Pertumbuhan ini telah dipacu oleh eksport yang kukuh bagi produk elektrik dan elektronik (E&E), LNG serta minyak sawit dan

## SOALAN NO : 36

keluaran pertanian berasaskan minyak sawit. RRC juga merupakan sumber import utama Malaysia, merangkumi 21.3% daripada jumlah import, meningkat 20.7% kepada RM276.5 bilion. Barangan import utama adalah produk E&E, jentera, kelengkapan dan peralatan, kimia dan bahan kimia.

Malaysia juga berjaya merekodkan pertumbuhan positif bagi perdagangan dua hala dengan Amerika Syarikat yang merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia. Pada tahun 2022, jumlah perdagangan dengan Amerika Syarikat telah berkembang sebanyak 23.3% kepada RM267.59 bilion berbanding tahun sebelumnya dan merangkumi 9.4% daripada jumlah perdagangan global negara. Eksport ke Amerika Syarikat mencatatkan nilai tertinggi setakat ini, meningkat sebanyak 17.5% kepada RM167.16 bilion. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh kenaikan eksport produk E&E, keluaran petroleum, barangan besi dan keluli serta barangan optik dan saintifik. Import dari Amerika Syarikat juga menokok sebanyak 34.4% kepada RM100.42 bilion yang terdiri daripada E&E, kelengkapan pengangkutan serta jentera, kelengkapan dan peralatan.

Bagi mendepani cabaran semasa, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk memperkukuhkan asas perdagangan negara. Antara usaha yang sedang dijalankan ialah meluaskan akses pasaran produk tempatan melalui perjanjian perdagangan bebas (*Free Trade Agreement*), memperdalami perkongsian sedia ada melalui inisiatif baharu seperti perjanjian ekonomi digital dan hijau serta mewujudkan lebih banyak peluang kerjasama strategik di antara syarikat tempatan dan syarikat antarabangsa bagi mengukuhkan penyertaan syarikat tempatan dalam rantai bekalan serantau dan dunia.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak semula kelulusan perancang bagi pembinaan bangunan bertingkat tinggi yang menjejaskan alam sekitar yang tidak selaras dengan kehendak Pelan Struktur Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kelulusan perancang bagi pembinaan bangunan bertingkat tinggi hendaklah memenuhi kehendak Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 dan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020. Kelulusan perancangan yang diberikan di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga tertakluk kepada penilaian perancangan yang menyeluruh melibatkan aspek pematuhan terhadap pelan pembangunan, impak alam sekitar, impak lalu lintas, impak sosial dan keperluan kemudahan masyarakat serta aspek-aspek pembangunan lain yang ditetapkan oleh agensi berkaitan bagi pembangunan di Kuala Lumpur.
2. Selaras dengan itu, setelah kelulusan diberikan oleh DBKL bagi sesuatu pembangunan, pemantauan secara berkala dan berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan dipatuhi sepenuhnya oleh pemaju. Pemantauan dan kawalan tapak bina turut merangkumi aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan awam.
3. Sekiranya sesuatu tapak bina didapati melanggar arahan, melakukan kesalahan atau menimbulkan masalah, tindakan penguatkuasaan akan diambil serta merta seperti mengenakan kompaun atau arahan memberhentikan kerja terhadap pemaju. Aspek pemantauan pembinaan dan penguatkuasaan sebelum, semasa dan selepas bangunan siap ini dilaksanakan selaras dengan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Undang-undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN  
JAN [TASEK GELUGOR]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sejak dilancarkan berapa jumlah langganan Data Pelan Perpaduan dan daripada jumlah itu, apakah wujud perbezaan langganan melibatkan demografi bandar dan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk menurunkan kos sara hidup rakyat, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dengan kerjasama syarikat komunikasi telah mengumumkan pakej Internet yang lebih rendah melalui Pakej Perpaduan yang disasarkan antara lain kepada golongan B40, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas.

Sehingga kini Kerajaan telah memperkenalkan 2 jenis Pakej Perpaduan iaitu Pakej Perpaduan Internet Mudah Alih Prabayar (*prepaid*) yang akan mula ditawarkan pada 28 Februari 2023 dan Pakej Perpaduan Jalur Lebar Tetap yang khusus untuk kegunaan di rumah (*home Internet*) seperti Pakej UNIFI oleh TM yang akan mula ditawarkan sekitar Mac 2023. Memandangkan kedua-dua pakej tersebut belum mula ditawarkan, rekod langganan melibatkan demografi bandar dan luar bandar belum lagi dapat disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ  
[SEGAMAT]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan bagi merealisasikan usaha mereformasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membolehkan agensi tersebut berfungsi secara telus dan profesional tanpa dipengaruhi dengan sebarang tekanan berunsur politik yang boleh merencatkan agenda memerangi rasuah.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah melaksanakan proses transformasi Suruhanjaya ini sejak tahun 2011 dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif dimana memberi fokus kepada sektor operasi, pencegahan dan modal insan.

2. Sejak penubuhan SPRM pada tahun 2009, lima (5) badan pemantau bebas telah diwujudkan sebagai mekanisme semak dan imbang terhadap perjalanan SPRM dalam penunaian fungsi dan peranannya. Penubuhan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) dan Jawatankuasa Aduan (JKA) dibuat selaras dengan seksyen 13, 14 dan 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Manakala, penubuhan Panel Penilaian Operasi (PPO) dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dibuat secara pentadbiran. Kesemua Jawatankuasa pemantau bebas ini berfungsi di bawah bidang terma rujukan masing masing.

3. Namun demikian, usaha memperkasakan Suruhanjaya ini turut dan sedang dilaksanakan khususnya dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD**  
**[ BAGAN SERAI ]**  
**TARIKH : 20 FEB 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI IDRIS BIN AHMAD [ BAGAN SERAI ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :

- (a) langkah Kerajaan bagi menangani masalah inflasi dan kenaikan harga barang; dan
- (b) adakah Kerajaan berhasrat meneruskan subsidi kepada barangan keperluan asas termasuk ayam, minyak masak serta barangan yang lain.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

- a) Bagi mengatasi isu kenaikan harga barang, beberapa langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian adalah seperti berikut:-
- i) mengadakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi menetapkan harga maksimum untuk barangan tertentu pada tempoh tertentu.
  - ii) melaksanakan Penentuan Harga Maksimum bagi Ayam dan Telur Ayam bagi memberikan kestabilan harga kepada kedua-dua item penyumbang sumber protein utama penduduk Negara ini.
  - iii) melaksanakan kawalan harga minyak masak kemasan botol secara *moving ceiling price*.
  - iv) memperkenalkan inisiatif lain dibawah Payung Rahmah termasuk Menu Rahmah, Pakej Rahmah, Bakul Rahmah dan Kafe Rahmah.
- b) Kerajaan juga memberikan subsidi kepada barangan keperluan asas seperti ayam, telur ayam, minyak masak paket, LPG, petrol dan lain-lain barangan bagi memastikan rakyat negara ini akan menikmati barangan keperluan ini pada harga munasabah.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**DR. ABD GHANI BIN AHMAD [ JERLUN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan dalam melantik dan mengisi jawatan-jawatan utama khususnya Peguam Negara.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pelantikan seseorang calon ke jawatan-jawatan utama Kerajaan seperti jawatan Peguam Negara dan sebagainya adalah berdasarkan kelayakan, merit dan kepakaran beliau dalam bidang-bidang yang berkenaan.
2. Kerajaan juga akan bertanggungjawab dalam memastikan semua pelantikan yang diuruskan adalah berlandaskan perundangan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA  
[PASIR SALAK]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana konsep dan gagasan Malaysia Madani boleh dicapai serta direalisasikan sekiranya ada dalam kalangan barisan Jemaah Menteri yang terpalit dengan isu rasuah dan salah guna kuasa.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebuah negara bangsa Malaysia Madani wajar tertegak berteraskan prinsip kelestarian, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Dengan keseluruhan prinsip teras inilah kita berhasrat merealisasikan Malaysia baharu yang megah di persada dunia.
2. Konsep Malaysia Madani menjadi panduan menuju ke arah pencapaian tamadun tertinggi yang melahirkan rakyat progresif, produktif, berakhlak, bermoral tinggi, bertanggungjawab dan sedia menghadapi cabaran. Elemen insaniah atau kemanusiaan dalam Konsep Malaysia Madani merangkumi pengertian luas meliputi akhlak dan moral tinggi dapat diserlahkan melalui tata kelola dan pentadbiran yang baik.
3. Madani harus diangkat sebagai model dan teras kepada kesejahteraan yang menyanggahi budaya dan gejala rasuah yang telah sekian lama merobek nilai dan budaya masyarakat kita. Justeru, Kerajaan terus komited untuk mengenakan hukuman dan denda yang lebih berat untuk menghindarkan warga Malaysia daripada terjebak dengan amalan rasuah dan salah guna kuasa di samping menjamin kebebasan badan kehakiman, pengawasan dan kepertanggungjawaban pihak berkuasa menerusi penggubalan undang-undang dan reformasi institusi.
4. Penguat kuasa undang-undang diminta untuk terus bertindak tanpa mengira kedudukan dan fahaman politik, sebaliknya mengambil tindakan berdasarkan fakta atas sebarang pelanggaran hukum yang dikesan berlaku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bilangan orang yang disiasat dan ditahan serta orang yang dituduh di mahkamah di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berdasarkan jantina, umur, kaum (Melayu, Cina, India, Bumiputera bukan Melayu dan lain-lain) mengikut jenis kesalahan untuk tahun-tahun 2020, 2021 dan 2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dari tahun 2020 hingga tahun 2022, sebanyak 409 kes telah diterima dan disiasat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung kesalahan yang diperuntukkan di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [588]. Daripada jumlah tersebut 40% kes adalah melibatkan kandungan berunsur lucah, 35% kandungan palsu, 20% jelik dan baki 5% melibatkan kandungan sumbang dan mengancam.

Daripada 409 kes tersebut juga, 54 kes dalam siasatan, 35 kes telah didakwa di mahkamah, dua kes telah dikompaun dan 43 kes diberi notis amaran. Bagi 35 kes yang didakwa di mahkamah, 29 kes telah selesai dan dijatuhkan hukuman denda dengan nilai keseluruhan yang berjumlah RM269,000.00. Sebanyak 6 kes lagi sedang dalam proses perbicaraan.

Daripada sudut jantina bagi 35 kes tersebut, 89% melibatkan lelaki dan baki 11% adalah wanita manakala dari sudut pecahan kaum pula, daripada 35 kes yang didakwa di mahkamah, 91% melibatkan kaum Melayu dan baki 9% adalah kaum Cina.

Analisis julat umur bagi 35 kes tersebut menunjukkan 43% adalah melibatkan individu dengan julat umur 20 hingga 29 tahun, 40% melibatkan julat umur 30 hingga 39 tahun dan baki 17% melibatkan julat umur 40 hingga 59 tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD  
JAN [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pesara tentera laut, udara dan darat yang berkhidmat tidak mencukupi tempoh perkhidmatan berpencen sehingga tahun 2022 serta nyatakan kebajikan yang diberikan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SERI UTAMA MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI PERTAHANAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan rekod Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) sehingga 31 Disember 2022, seramai 72,965 orang veteran telah menamatkan perkhidmatan tidak mencukupi tempoh perkhidmatan berpencen di mana seramai 49,870 orang daripada perkhidmatan Tentera Darat; 10,212 orang daripada Tentera Laut; 6,775 orang daripada Tentera Udara; 5,097 orang daripada Pasukan Simpanan Sukarela (Darat, Laut, Udara); dan 1,011 orang daripada Sarawak Rangers & British Army.
2. Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) juga telah merangka Skim Kebajikan khusus untuk menjaga kesejahteraan Veteran ATM setelah menamatkan perkhidmatan. Skim Kebajikan ini terdiri daripada:

## NO SOALAN : 44

- i. Bantuan Sara Hidup – RM300 sebulan untuk membantu meringankan kos sara hidup;
  - ii. Bantuan Persekolahan – RM500 untuk sekolah rendah dan RM700 untuk sekolah menengah untuk membantu penyediaan kemasukan ke sekolah;
  - iii. Bantuan Kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) – RM1,000 peringkat diploma dan RM1,500 peringkat ijazah pertama untuk membantu meringankan beban kewangan ketika pendaftaran ke IPT;
  - iv. Kemudahan Perubatan termasuk pembekalan Peralatan Pesakit (Kerusi Roda, Katil, tongkat, kaki palsu);
  - v. Bantuan Bencana Alam – RM10,000 (maksimum) untuk memperbaiki kerosakan rumah akibat bencana alam;
  - vi. Bantuan Mengurus Jenazah – RM3000 untuk membantu urusan pengebumian jenazah; dan
  - vii. Inisiatif Perumahan Veteran – bina baharu dan baik pulih rumah sedia ada.
3. Skim kebajikan yang disediakan ini boleh dimanfaatkan oleh keseluruhan warga Veteran ATM tidak berpencen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN  
[MERBOK]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan gangguan internet di pedalaman berlaku disebabkan vandalisma kabel gentian optik yang dirosakkan atau set generator dicuri. Bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah terbabit disamping memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang menyeluruh melalui penyediaan liputan internet membabitkan talian tetap dan mudah alih.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak penyedia perkhidmatan sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan serta masyarakat setempat untuk meningkatkan kesedaran dan kekerapan rondaan bagi kawasan-kawasan yang sering berlakunya kecurian dan vandalisme. Bagi mengatasi masalah kehilangan set generator, pihak penyedia perkhidmatan dengan kerjasama syarikat penyedia bekalan elektrik sentiasa berusaha untuk menaik taraf sumber bekalan kuasa di menara-menara kepada bekalan elektrik tetap.

Selain itu, Kerajaan juga memahami keperluan kesalinghubungan internet untuk semua rakyat dan ini telah mendorong Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) untuk membuat penaiktarafan pelan jalur lebar di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang diperluaskan secara berperingkat melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 dan Fasa 2.

Pelan JENDELA Fasa 1 (2020-2022) telah menetapkan sasaran untuk memberikan akses gentian optik kepada 7.5 juta premis di seluruh negara, meningkatkan kadar kelajuan purata jalur lebar mudah alih kepada 35Mbps dan meluaskan liputan jalur lebar 4G kepada 96.9% kawasan berpenduduk di seluruh negara. Manakala, Pelan JENDELA Fasa 2 (2023-2025) pula telah menetapkan sasaran untuk memberikan akses gentian optik kepada 9 juta premis di seluruh negara, meningkatkan kadar kelajuan purata jalur lebar mudah alih kepada 100Mbps melalui pelaksanaan 5G, dan meluaskan liputan jalur lebar kepada 100% kawasan berpenduduk di seluruh negara.

KKD juga telah menambahbaik capaian internet di kawasan pedalaman melalui teknologi satelit di 839 lokasi di seluruh negara, yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di bawah JENDELA Fasa 2 yang telah berjaya disiapkan sepenuhnya di bawah JENDELA Fasa 1 pada tahun 2022.

## SOALAN NO: 45

Selain daripada pembinaan menara-menara telekomunikasi dan satelit bagi menangani isu akses internet berkualiti, KKD juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk di kawasan luar bandar dan pendalaman di seluruh negara dengan lebih baik.

Pelaksanaan ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar dan pendalaman sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya dengan radius 2.5km -3km.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taburan pelaksanaan penyediaan *Point of Presence* (PoP) Hab Infrastruktur Gentian Optik mengikut fasa dan negeri dilaksanakan bermula 2022 sehingga 2025 melibatkan 4323 buah lokasi berhampiran sekolah dan 47 kawasan industri di seluruh negara. Fasa 1 bagi projek PoP ini akan melibatkan 630 lokasi berhampiran sekolah dan Fasa 2 pula akan melibatkan 3693 lokasi berhampiran sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara.

Sehingga 10 Febuari 2023 sebanyak 292 kawasan PoP telah berjaya disiapkan dengan menyediakan sebanyak 32,198 premis sedia untuk dilanggan dan menikmati perkhidmatan internet berkelajuan tinggi. Sekurang-kurangnya sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi apabila projek ini siap kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sekiranya ada cadangan untuk menambah universiti awam bagi menampung penambahan permohonan kemasukan pelajar baru memandangkan terdapat 24,732 permohonan ditolak bagi tahun akademik 2022/2023 dan berapa serta di manakah cadangan tapak tersebut.

**JAWAPAN**

Datuk Yang di-Pertua,

1. Setakat ini KPT tidak mempunyai perancangan menambah bilangan Universiti Awam (UA). Malaysia kini sudah mempunyai 20 UA dan sedang beroperasi pada tahap yang mencukupi bagi menampung keperluan pelajar. Penubuhan UA baharu tidak menjadi keutamaan Kementerian pada masa ini dan hanya akan dipertimbangkan setelah kedudukan fiskal negara pulih dan kembali mengukuh.
2. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan yang adalah tidak tepat untuk menyimpulkan bahawa jumlah pelajar yang ditolak / gagal permohonannya adalah bersamaan dengan jumlah tempat yang tidak mencukupi di Universiti Awam.
3. Ini disebabkan, penolakan / kegagalan sesuatu permohonan turut bergantung dan berkait rapat dengan kelayakan dan merit seseorang pemohon. Tidak semua pelajar yang memohon untuk memasuki UA akan pasti diterima.
4. Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum dalam proses pemilihan pelajar ke IPTA dan ILKA bagi Lelasan SPM dan STPM/Setaraf.
5. Namun, bagi pemohon-pemohon yang ditolak dan gagal, mereka sebenarnya mempunyai beberapa alternatif dan peluang kedua.
6. Antaranya, membuat rayuan kemasukan, memohon ke IPTS bagi jurusan / program yang serupa dengan kualiti yang setanding, atau meneroka peluang di politeknik yang kini menawarkan pelbagai program yang moden, kompetitif dan menarik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN  
BIN HAJI MOHD. YASSIN [ PAGOH ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Timbalan Perdana Menteri 1 akan dinasihatkan supaya bercuti atau meletakkan jawatan sehingga kesnya selesai dibicarakan di mahkamah selaras dengan janji dan komitmen Perdana Menteri mengenai integriti dan tatakelola yang baik serta demi memelihara maruah negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Perpaduan di bawah pentadbiran YAB Perdana Menteri tidak akan bertolak ansur dan campur tangan dalam proses siasatan dan perbicaraan mana-mana kes yang berhubung kait dengan gejala rasuah mahupun salah guna kuasa oleh sesiapa sahaja termasuklah dalam kalangan Ahli Jemaah Menteri. Kesemua parti komponen Kerajaan Perpaduan juga telah maklum dengan pendirian ini bahawa mana-mana individu tidak akan terlepas daripada hukuman sekiranya didapati bersalah oleh mahkamah.

2. Namun, selagi mana individu tersebut masih tidak disabitkan kesalahan oleh mahkamah, maka individu tersebut masih tidak bersalah dan mempunyai hak untuk membela diri. Adalah penting bagi semua pihak untuk menghormati institusi mahkamah sepanjang proses keadilan berjalan dengan saksama berlandaskan undang-undang sedia wujud dalam negara tanpa mengira siapa juga yang diadili. Ini penting dalam memastikan kepercayaan masyarakat terhadap kewibawaan institusi kehakiman negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengemaskini Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), 2021 - 2025 bagi memastikan pengukuran kemiskinan bagi pembasmian kemiskinan memenuhi keperluan semasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kerajaan sedang mengemas kini Pendapatan Garis Kemiskinan berdasarkan dapatan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022. Survei ini dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) selama setahun mulai Januari 2022 yang melibatkan kira-kira seramai 92,000 isi rumah terpilih. Ia mengambil kira sosio ekonomi semasa termasuk pendapatan, perbelanjaan, pola permintaan dan harga barangan serta perkhidmatan termasuk kesan kenaikan kos sara hidup. Hasil survei dijangka diterbitkan pada pertengahan tahun 2023. Manakala, sesi libat urus berkaitan PGK 2022 bersama pemegang-pemegang taruh akan diadakan seawal April 2023.

2. Kerajaan akan menambah baik kaedah pengukuran kemiskinan menggunakan pendekatan kemiskinan pelbagai dimensi melalui Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI). MPI mengukur kemiskinan dalam konteks yang lebih luas iaitu dimensi pendapatan, akses kesihatan, pendidikan dan kemudahan asas. Pada masa ini, Kementerian Ekonomi sedang bekerjasama dengan United Nations Development Programme (UNDP) untuk menambah baik dimensi dan indikator MPI Malaysia supaya boleh digunakan bagi penambahbaikan penggubalan dasar dalam mengurangkan kemiskinan, sejajar dengan sasaran Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) dan Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
[ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kerajaan berhasrat menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan penggunaan unsur fitnah serta kempen melampau atas garis perkauman dan pertentangan agama sehingga mencetuskan ketegangan kaum dan ketidakharmonian agama pada Pilihan Raya Umum yang lepas.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mana-mana calon pilihan raya yang bertanding di dalam suatu pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri, wakil calon, agen mereka atau mana-mana orang adalah tertakluk Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*] serta mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] dan Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 [*Akta 588*]. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah seksyen 4A Akta 5, sekiranya calon atau mana-mana individu membuat sebarang pernyataan dengan tujuan atau dengan kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan di antara kaum yang sama atau kaum yang berlainan.
2. Buat masa ini, Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan penggunaan unsur fitnah serta kempen melampau atas garis perkauman pada Pilihan Raya Umum yang lepas.
3. Walaubagaimanapun, kerajaan akan mengkaji bagaimana untuk menambahbaik pemantauan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan mekanisme aduan terhadap dakwaan yang berunsur fitnah dan maklumat palsu yang menyentuh sensitiviti kaum, agama di media sosial berkaitan semasa Pilihan Raya. Antara langkah yang akan diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada Pilihan Raya Negeri akan datang ialah hebahan sosial media tentang laman web, nombor hotline agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan nombor telefon Pegawai Pengurus untuk memudahkan orang ramai menyalurkan aduan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH  
[LANGKAWI]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menyelesaikan masalah penduduk di Bukit Malut yang telah tertunggak selama 30 tahun dan kini menjadi masalah sosial yang kritikal dan membawa imej tidak selesa kepada pelancongan

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH,  
SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan Negeri Kedah sedang bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk tujuan pembangunan semula Bukit Malut.
2. Penempatan sedia ada penduduk di Bukit Malut Langkawi merupakan penempatan setinggan. Pemilik-pemilik tanah di kawasan tersebut samada individu mahupun kerajaan boleh mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pencerobohan melalui undang-undang sedia ada manakala isu sosial berkaitan imej setinggan dan kebersihan yang ditonjolkan merupakan isu setempat yang perlu dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Penduduk di Bukit Malut Langkawi juga tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di Daerah Langkawi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN 51**

**TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menutup pejabat UNHCR di Malaysia dan apakah kesan negatif kepada negara kita sekiranya pejabat UNHCR ditutup.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH,  
SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keberadaan pejabat UNHCR di Malaysia sejak tahun 1970an adalah berdasarkan kepada undangan Malaysia bagi membantu menguruskan isu pelarian Indo-China (Vietnam). Pada ketika ini, UNHCR dilihat berperanan dalam pelaksanaan bantuan kepada pemegang kad UNHCR dan proses penempatan semula ke negara ketiga. Beberapa negara utama yang menerima pelarian seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Australia telah menetapkan pra-syarat bagi proses penempatan ke negara ketiga adalah hanya melalui UNHCR sahaja.
2. Namun demikian, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengekalkan peranan UNHCR selama – lamanya dalam menguruskan pelarian dan

pemohon suaka di Malaysia. Ini kerana keberadaan pejabat UNHCR di Malaysia dilihat telah menjadi sebagai salah satu faktor penarik (*pull factor*) kepada peningkatan kemasukan migran asing ke Malaysia semata-mata untuk mendapatkan kad UNHCR daripada organisasi antarabangsa tersebut.

3. Penutupan pejabat UNHCR di Malaysia dapat dilaksanakan setelah Kerajaan mempunyai mekanisme pengurusan pelarian dan pemohon suaka yang komprehensif dan efektif di bawah Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 23 : Mekanisme Pengurusan PATI yang memegang Kad UNHCR 2009. Dalam usaha untuk menguruskan isu-isu pelarian dan pemohon suaka di Malaysia dengan lebih baik dan efisien, Kerajaan kini sedang melaksanakan reformasi berstruktur (*structural reform*) terhadap dasar sedia ada melalui pindaan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 23 : Mekanisme Pengurusan PATI yang memegang Kad UNHCR (2009). Arahan MKN No. 23 ini sedang di dalam proses akhir penambahbaikan dan penekanan telah diberikan terhadap pengukuhan kepada penyelarasan kepada dasar semasa Kerajaan terhadap pelarian, penubuhan jawatankuasa khusus di peringkat tertinggi pentadbiran Kerajaan serta penyelarasan sistem sokongan sosial kepada pelarian dan pemohon suaka.

4. Reformasi berstruktur ini perlu dilaksanakan dengan berhemah dan ketekunan wajar (*due diligence*) selain memastikan agensi Kerajaan benar-benar bersedia untuk mengambil alih peranan yang dimainkan oleh pihak UNHCR dan dengan demikian tiada lagi keperluan untuk pejabat UNHCR di Malaysia. Kerajaan akan memastikan agar setiap pihak termasuk pihak UNHCR di Malaysia untuk bekerjasama bagi memastikan Malaysia mempunyai dasar dan perundangan yang jelas, selaras dan sistematik berkaitan pengurusan pelarian dan pemohon suaka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI  
BIN HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 20 FEB 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah jumlah syarikat atau individu utama yang terlibat dengan kartel sektor bahan dan apakah langkah menghadapi kartel tersebut seperti yang tertulis di dalam Manifesto PH – Kita Boleh.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPDN melalui agensinya Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau lebih dikenali (MyCC) telah dan sedang aktif menyiasat kartel-kartel sejak penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta 712) pada 1 Januari 2012. Hasil dari penyiasatan yang telah selesai, MyCC, sebagai badan separa kehakiman, telah mengeluarkan keputusan-keputusan pelanggaran dan seterusnya mengenakan hukuman penalti kewangan ke atas hampir 100 syarikat yang berjumlah sekitar RM156 juta.

Pada bulan Ogos 2022, MyCC telah berjaya menyelesaikan penyiasatan terbesar mereka dan mengeluarkan keputusan cadangan terhadap 5 syarikat pengeluar makanan ayam kerana didapati melanggar Seksyen 4 Akta 712 melalui satu perjanjian antipersaingan atau kartel dalam pasaran makanan ayam. Mereka adalah :

- (a) Dinding Poultry Development Centre Sdn Bhd;
- (b) FFM Berhad;
- (c) Gold Coin Feedmill (Malaysia) Sdn Bhd;
- (d) Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd; dan
- (e) PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

MyCC telah memulakan penyiasatan setelah menerima maklumat bahawa ada di kalangan pemain-pemain industri ternakan ayam terlibat dalam satu kartel. Kesemua syarikat di atas, seperti yang dikehendaki oleh Akta 712, telah mengemukakan representasi bertulis mereka pada 31 Januari 2023 dan MyCC telah menjadualkan sesi pendengaran representasi mereka dalam bulan Mac 2023. Selepas itu, MyCC dijangka mengeluarkan keputusan akhir dalam suku ketiga tahun ini.

MyCC juga telah menjadikan penyiasatan kartel tipuan bida yang melibatkan perolehan kerajaan sebaagai keutamaan aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaannya. Setakat ini, MyCC sedang aktif menyiasat lebih dari 500 syarikat atas dakwaan terlibat dalam kartel tipuan bida berkaitan perolehan kerajaan. Nilai yang terlibat adalah lebih dari RM2 billion. Perolehan-perolehan kerajaan yang menjadi fokus penyiasatan MyCC sekarang adalah sektor perkhidmatan, makanan, pembinaan dan pembekalan.

Selain itu, MyCC telah menjadikan sektor makanan dan pertanian sebagai fokus utama penguatkuasaan Akta 712. MyCC akan bertindak tegas, *without fear or favour*, terhadap mana-mana perusahaan dalam sektor di atas terutama bahan makanan jika mereka terlibat dalam kartel. Penalti kewangan yang boleh dikenakan adalah sehingga 10% dari pusing ganti dunia (*worldwide turnover*) perusahaan tersebut dan mereka boleh disenaraihitamkan jika kartel mereka berkait dengan perolehan kerajaan.

Usaha kerajaan tidak terhenti di situ dalam menggerakkan MyCC untuk membantu kerajaan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Dalam tahun ini, kerajaan akan memperkasakan MyCC melalui 2 cara iaitu:

- (a) Membuat pindaan terhadap Akta 712 dan Akta Suruhanjaya Persaingan (Akta 713) dengan mengukuhkan lagi :



**NO SOALAN : 52**

- (i) Kuasa penyiasatan dan penguatkuasan dengan tujuan untuk mencapai penyelesaian penyiasatan dan pengeluaran keputusan dengan lebih efektif dan efisien; dan
  - (ii) Memperkenalkan rejim kawalan penggabungan (*merger control regime*) yang akan memberi kuasa kepada MyCC mengenakan tindakan intervensi awal (*ex-ante*) terhadap pembentukan kartel atau monopoli baru melalui pengawalan aktiviti penggabungan.
- (b) Menambahkan bajet dan sumber manusia MyCC supaya keupayaannya dapat dioptimumkan untuk menyelesaikan kes-kes dan menjalankan fungsi-fungsinya yang lain pada tahap tertinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:

- (a) komitmen Kementerian untuk mengembalikan semula jawatan kuasa teknikal AUKU; dan
- (b) meneruskan usaha bagi memansuh atau meminda undang-undang supaya hak kebebasan politik semua pelajar dan ahli akademik dalam universiti Kerajaan dan swasta dipelihara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**(a) Komitmen Kementerian untuk mengembalikan semula Jawatankuasa Teknikal AUKU.**

1. Kementerian sentiasa mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan bagi mendapatkan input dan pandangan berkaitan dengan AUKU antaranya melalui penubuhan jawatankuasa Teknikal AUKU yang ditubuhkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.
2. Terbaharu jawatankuasa ini dikenali sebagai **Jawatankuasa Penambahbaikan AUKU yang telah ditubuhkan pada bulan Jun 2022 dan telah tamat pada Disember 2022.**

## SOALAN NO : 53

3. Jawatankuasa ini berfungsi untuk, antara lain, membantu meneliti secara menyeluruh penambahbaikan yang boleh dilaksanakan supaya AUKU kekal relevan dengan keadaan semasa.
4. Setakat ini, Kementerian tidak bercadang untuk mengembalikan atau menubuhkan jawatankuasa baharu. Ini kerana, jawatankuasa yang ditubuhkan sebelum ini telah memberi pelbagai input dan saranan yang akan dipertimbangkan secara serius oleh Kementerian.
5. Fokus semasa adalah untuk memastikan bagaimana segala input dan saranan oleh pelbagai jawatankuasa sebelum ini dapat diterjemahkan ke dalam bentuk tindakan.

### **(b) Pemansuhan atau pindaan undang-undang supaya kebebasan politik semua pelajar dan ahli akademik dipelihara.**

1. Pihak Kementerian dan universiti awam kini sedang dalam fasa akhir pemurnian beberapa garis panduan bersesuaian untuk memberi lebih kebebasan kepada pelajar dalam menguruskan aktiviti pelajar dan dalam menyertai kegiatan politik di dalam dan luar kampus.
2. Sehingga kini, KPT sedang dalam proses mengadakan sesi libat urus bersama-sama dengan Penasihat Undang-Undang (PUU) universiti awam untuk meneliti perkara ini dengan lebih mendalam terutamanya aspek kebolehlaksanaan di universiti awam.
3. Kementerian bersetuju dengan pandangan bahawa kebebasan politik mahasiswa dan ahli akademik mesti dipelihara.
4. Atas dasar itu, Kementerian yakin bahawa hasil libat urus ini serta pindaan-pindaan seksyen yang disebutkan di atas kelak akan dapat membantu kita mencapai hasrat memelihara kebebasan politik mahasiswa dan ahli akademik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS (2023)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
[TITIWANGSA]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI [TITIWANGSA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dividen yang dibayar Petronas kepada Kerajaan berbanding dengan keuntungan bersih Petronas bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.

**JAWAPAN****YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembayaran dividen PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kemampuan syarikat dari segi prestasi kewangan semasa, serta menepati syarat-syarat yang tertakluk di dalam Akta Syarikat 2016 termasuk memenuhi ujian solvensi.

2. Berikut adalah maklumat pembayaran dividen daripada PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan, serta jumlah pendapatan dan keuntungan/ kerugian mengikut tahun dari tahun 2018 ke 2022

<b>Tahun</b>	<b>Dividen termasuk Dividen Tambahan (RM Bil)</b>	<b>Pendapatan</b>	<b>Keuntungan / Kerugian</b>
2018	26.0	251.0	55.3
2019	54.0	240.3	40.5
2020	34.0	178.7	-21.0
2021	25.0	248.0	48.6
2022	50.0	PETRONAS belum mengumumkan prestasi kewangannya bagi tahun 2022	
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>RM 205 bil</b>		

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN  
[ PADANG RENGAS]**

**TARIKH : 20 FEB 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [ PADANG RENGAS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menghapuskan kartel dalam sektor makanan dan keperluan asas bagi membasmi kegiatan mengaut keuntungan melampau.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPDM melalui agensinya Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau lebih dikenali sebagai MyCC telah dan sedang aktif menyiasat kartel-kartel sejak penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (Akta 712) pada 1 Januari 2012. Hasil dari penyiasatan yang telah selesai, MyCC, ~~sebagai badan separa kehakiman,~~ telah mengeluarkan keputusan-keputusan pelanggaran dan seterusnya mengenakan hukuman penalti kewangan ke atas hampir 100 syarikat yang berjumlah sekitar RM156 juta.

Pada bulan Ogos 2022, MyCC telah berjaya menyelesaikan penyiasatan ~~terbesar mereka~~ dan mengeluarkan keputusan cadangan terhadap 5 syarikat pengeluar makanan ayam kerana didapati melanggar Seksyen 4 Akta 712 melalui satu perjanjian anti persaingan atau kartel dalam pasaran makanan ayam melibatkan:

- (a) Dinding Poultry Development Centre Sdn Bhd;
- (b) FFM Berhad;
- (c) Gold Coin Feedmill (Malaysia) Sdn Bhd;
- (d) Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd; dan
- (e) PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

Dalam masa yang sama, MyCC juga telah memulakan penyiasatan setelah menerima maklumat bahawa ada di kalangan pemain-pemain industri ternakan ayam terlibat dalam satu kartel. Kesemua syarikat di atas, seperti yang dikehendaki oleh Akta 712, telah mengemukakan representasi bertulis mereka pada 31 Januari 2023 dan MyCC telah menjadualkan sesi pendengaran representasi mereka dalam bulan Mac 2023. Selepas itu, MyCC dijangka mengeluarkan keputusan akhir dalam suku ketiga tahun ini.

Adalah diharapkan usaha daripada MyCC dapat mengurangkan dan menghapuskan amalan persaingan tidak sihat dalam industri pengeluaran makanan. Ini kerana persaingan yang sihat akan mewujudkan ekosistem perniagaan yang adil sekaligus memberi manfaat kepada pengguna di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI  
[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah polisi dan panduan yang digunakan oleh Kementerian dalam membuat keputusan pemendekan dan pembaharuan kontrak Naib Canselor universiti-universiti awam.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Proses pemendekan atau pemanjangan tempoh perkhidmatan seseorang Naib Canselor dijalankan dengan mengambil kira pelbagai faktor.
2. Antaranya adalah tahap dan prestasi semasa serta saranan dan pandangan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
3. Pihak Kementerian akan merujuk dan mempertimbangkan saranan serta pandangan daripada LPU sesebuah universiti.
4. Di pihak Kementerian, amalnya adalah untuk menulis surat dan mengingatkan pihak universiti 6 bulan sebelum tempoh tamat seseorang Naib Canselor. Ini bertujuan untuk pihak universiti mula membuat persediaan yang sewajarnya. Misalnya membuat iklan dan mencari calon seterusnya sekiranya pihak LPU tidak berhasrat untuk meneruskan khidmat seseorang Naib Canselor.
5. Ringkasnya, amalan di Kementerian adalah untuk melihat dan merujuk kepada pandangan dan saranan oleh LPU sesebuah universiti dalam memutuskan sama ada seseorang Naib Canselor dipendekkan atau dipanjangkan perkhidmatannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO  
[ DAMANSARA ]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ DAMANSARA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk meningkatkan kesedaran pengundi untuk Pilihan Raya Negeri yang akan datang dalam tahun 2023.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui Akademi Pilihan Raya (APR) telah melaksanakan Program Pendidikan Pengundi sejak tahun 2017 bertujuan supaya segenap lapisan masyarakat diberi kefahaman terhadap pentingnya demokrasi, aplikasi demokrasi melalui platform pilihan raya, proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia, tanggungjawab sebagai seorang pengundi dan implikasinya terhadap negara serta menjelaskan isu-isu / cabaran yang sering dibangkitkan semasa pilihan raya diadakan.
2. Selain itu, APR turut menggunakan medium aplikasi teknologi / media sosial bagi menyalurkan maklumat berhubung kefahaman mengenai demokrasi dan proses pilihan raya di Malaysia bagi meningkatkan kesedaran pengundi secara langsung dan tidak langsung.
3. APR turut bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuklah agensi-agensi Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan, dan badan-badan bukan Kerajaan dalam mempergiat pelaksanaan Program Pendidikan Pengundi untuk memberikan pendidikan dan kefahaman mengenai proses pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa data dan statistik berkaitan mangsa-mangsa *scammer* di Malaysia berserta jumlah kes yang telah didakwa dan dijatuhkan hukuman pada tahun 2022 dan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan dan perancangan masa hadapan Kementerian dalam berdepan isu *scammer* yang semakin menjadi-jadi akhir-akhir ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik yang dikemukakan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Polis Diraja Malaysia, jumlah bilangan kes penipuan dalam talian dan jumlah pendakwan yang telah dibuat di Mahkamah adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Kes Dilaporkan</b>	<b>Kertas Siasatan Yang Didakwa Di Mahkamah</b>	<b>Jumlah Hukuman</b>
2021	26,297	7,256	Tiada Maklumat Diperolehi
2022	25,480	11,847	

2. Kes-kes penipuan atas talian yang berlaku ini melibatkan pelbagai jenis modus operandi termasuk penipuan telekomunikasi (*telecommunication fraud*), penipuan perdagangan elektronik atau *e-Commerce fraud*, pinjaman tidak wujud, tipu pelaburan tidak wujud, *love scam* dan *e-Financial fraud* terutamanya melalui teknik *Phishing*.
3. Manakala, statistik yang dikemukakan oleh Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre-NSRC) sejak NSRC beroperasi dari 12 Oktober 2022 sehingga 31 Januari 2023, sebanyak 16,752 panggilan yang diterima oleh NSRC. Berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima itu, didapati jumlah kerugian adalah sebanyak RM39,299,158.25.
4. Sehubungan dengan jumlah aduan yang diterima oleh pihak NSRC, pihak PDRM telah membuka sebanyak 751 kertas siasatan bagi siasatan kesalahan penipuan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan dan sebanyak 24 kertas siasatan di Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613) dan telah membekukan sebanyak RM24.3 juta bagi tujuan siasatan bagi kesalahan pengubahan wang haram.

Sekian, terima kasih.